

10/08/2002

Usaha bersama permudah pemutihan pekerja asing

DALAM menangani masalah kebanjiran pendatang tanpa izin Indonesia pada masa lalu, Malaysia sebenarnya sudah banyak berlembut. Namun, apa juga tolak ansur yang diberikan tidak sunyi daripada pelbagai kritikan dan tohmahan. Sekalipun dibandingkan dengan cara sesetengah negara mengusir pendatang haram langsung tidak berperikemanusiaan, termasuk membiarkan mereka terkapai-kapai di tengah lautan, Malaysia anehnya kerap digambarkan sebagai tidak bertimbang rasa. Proses pengampunan yang membabitkan kepulauan beramai-ramai pendatang tanpa izin tanpa dikenakan kompaun dengan berkuat kuasanya Akta Imigresen 1959/1963 (Pindaan 2002) pada 1 Ogos lalu, turut mengundang pelbagai sindiran. Sesetengah media Indonesia mencanangkan Malaysia tidak pun berterima kasih di sebalik kudrat sebilangan besar pekerja asing berkenaan yang turut berperanan dalam banyak projek mega seperti Menara Berkembar Petronas yang menjulang nama negara ini.

Adalah amat penting masalah ini dilihat daripada perspektif yang betul dan positif tanpa dibelenggu emosi melulu. Pekerja asing dan pendatang tanpa izin mungkin diandaikan sama tetapi sebenarnya berbeza. Hakikatnya, Malaysia masih memerlukan tenaga kerja Indonesia tetapi kemasukan mereka perlulah mengikut saluran yang sah. Mereka yang dibenarkan masuk perlu pula memenuhi syarat yang ditetapkan dari segi kemahiran, tahap kesihatan, kebenaran bekerja dan jaminan pekerjaan, termasuk tempat penginapan. Malangnya, bagi setiap seorang pendatang asing yang memasuki negara ini secara sah, seorang lagi menyusup masuk secara berlawanan hingga menimbulkan pelbagai masalah dan tekanan kepada rakyat negara ini. Kerana itu, proses penghantaran pulang pendatang tanpa izin adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan disebabkan jumlah mereka terlalu ramai. Malah, kalau diperhalusi, program pengampunan itu yang meluaskan masa secukupnya sejak 21 Mac lalu, adalah yang terbaik yang boleh diberikan. Pendatang tanpa izin tidak boleh mengharap lebih daripada itu, sebaliknya keprihatinan kerajaan negara ini wajar dihargai.

Sesetengah media asing pula mengambil kesempatan memburukkan Malaysia. Antaranya, CNN memaparkan visual pendatang terbabit berasak-asak di terminal feri untuk pulang ke negara asal tanpa langsung menyebut mereka sebenarnya sudah diberi masa lebih empat bulan untuk mengatur kepulauan tetapi majoritinya hanya berbuat demikian pada saat-saat akhir. Seharus tidak timbul langsung tanggapan Malaysia tidak berterima kasih atau tidak mengenang budi sedangkan pekerja asing terbabit memperoleh pendapatan lumayan asalkan kuat bekerja. Wang yang dihantar pulang kepada sanak-saudara pula turut membantu menjana ekonomi negara asal mereka. Tidak dinafikan ada sektor pekerjaan tertentu di negara ini yang kini berasa kehilangan. Daripada ada majikan sebelum ini yang menggaji pendatang tanpa izin, langkah terbaru kerajaan ini akan mendorong mereka mendapatkan tenaga kerja asing secara sah. Dengan cara itu, pekerja asing yang diambil akan terhindar daripada eksploitasi dan penindasan. Seharusnya ia dialukan oleh pihak-pihak di Indonesia daripada cuba mempertikaikannya.

Rundingan dua hala Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dan Presiden Megawati Sukarnoputri di Bali kelmarin, diharapkan dapat menelurkan sesuatu yang positif. Sambil pergantungan Malaysia kepada pekerja asing Indonesia dijangka berterusan - dan sebaik-baiknya menerusi semangat persahabatan dua negara berjiran - kita harapkan republik itu dapat memainkan peranan dengan lebih berkesan dalam mengatur kedatangan

rakyatnya secara terurus tanpa membiarkan tekong dan `calo' bermaharajalela. Selain penguatkuasaan undang-undang, kita percaya masalah pendatang tanpa izin sanggup bersabung nyawa di tengah lautan akan dapat dikurangkan andainya proses yang sah dapat dipermudahkan tanpa mereka dibebankan bayaran terlalu tinggi. Kerenah birokrasi menyulitkan serta unsur-unsur lain yang menyusahkan hendaklah diatasi dalam mewujudkan saluran realistik demi manfaat kedua-dua negara.